

22/09/2001

Amerika perlu berfikir dua kali

KETIKA kematian lebih 6,000 mangsa serangan Pusat Dagangan Dunia (WTC) dan Pentagon terus diratapi anggota keluarga dan sanak-saudara mereka, 4,000 bangsa Yahudi yang bekerja di menara simbol kewangan Amerika Syarikat itu dikhabarkan terselamat. Puncanya, menurut satu sumber diplomat Arab, ialah mereka tidak muncul di pejabat masing-masing pada hari malang itu. Maka, timbul persoalan apakah benar orang Yahudi terbabit lebih dahulu mendapat maklumat daripada agensi keselamatan am Israel, Shabak, terhadap serangan yang bakal dilakukan sekumpulan penganas berani mati yang merampas empat pesawat pada hari kejadian, 11 September lalu.

Pelbagai andaian terhadap kebenaran perkara itu diperkuatkan oleh laporan akhbar negara Yahudi itu yang mendedahkan Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon, dihalang daripada menghadiri satu pesta di New York sebelum serangan berkenaan. Walaupun ia sudah tersebar luas menerusi Internet, tiada reaksi serta-merta daripada pihak berkuasa Israel mahupun Amerika. Dua persoalan berkaitan yang menuntut jawapan ialah apakah Israel mengetahui rancangan serangan itu dan kalau pun benar, mengapa pihak berkuasa Amerika tidak dimaklumkan? Atau mungkinkah penganas Arab diperalatkan dalam serangan itu tanpa mereka sedari agar Islam terus diperburukkan? Segalanya berkemungkinan.

Sebagaimana kenyataan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kelmarin bahawa Malaysia tidak akan membuat pendirian terburu-terburu berhubung rancangan Amerika menyerang Afghanistan, Timbalan Perdana Menteri turut menarik perhatian kepada maklumat risikan Amerika yang tidak semestinya betul kerana sebelum ini pun mereka pernah meminta maaf kerana tersilap. Malah, kelmarin, Pengarah Biro Siasatan Persekutuan (FBI), Robert Mueller, dipetik sebagai mengakui wujud keraguan terhadap identiti 19 perampas pesawat yang dikeluarkan minggu lalu kerana sesetengahnya didapati di kalangan rakyat Arab Saudi yang masih hidup.

Menepati saranan kebanyakan pemimpin dunia sebelumnya, Amerika hendaklah memiliki kepastian sebelum sebarang serangan balas boleh dilancarkan. Sama ada Osama bin Laden atau penganas dari kumpulan al-Qaeda pimpinannya yang harus dipersalahkan, ia hendaklah berlandaskan bukti sahih. Bukan keupayaan Amerika untuk menyerang Afghanistan pada bila-bila masa yang menimbulkan kesangsian. Sebaliknya, keupayaan bala tentera Amerika untuk mengelakkan nyawa tidak berdosa daripada menjadi mangsa yang menimbulkan keraguan besar ketika ini. Malangnya, ucapan berapi-api Presiden George W Bush kepada Kongres Amerika semalam, tidak langsung membayangkan perkara itu menjadi pertimbangan.

Sebagai negara yang berpegang kepada kepercayaan bahawa pembangunan dan kemajuan pesat adalah perlu untuk mengelak daripada ditindas, Malaysia tidak ketinggalan menyokong sebarang usaha antarabangsa yang dikepalai Amerika untuk membasmi kumpulan penganas. Pengalamannya sendiri sudah cukup membuat negara ini serik dengan ancaman kumpulan militan yang memilih jalan kekerasan bagi mencapai matlamat mereka. Namun, dalam hubungan ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berpandangan bahawa mana-mana negara serta rakyatnya yang tidak bersalah tidak harus dijadikan sasaran. Seiring dengan itu juga, perjuangan menghapuskan penganas tidak harus dibataskan kepada cara peperangan konvensional seperti dirancang Amerika sekarang, sebaliknya hendaklah juga memberi tumpuan untuk menyelesaikan penindasan yang menjadi salah satu punca keganasan.

(END)